



KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

NO. TENDER : E22/TDR/MEE/UG/2026-011-R

TAJUK KERJA : **SPECIALIST WORK FOR THE DESIGN, SUPPLY, INSTALLATION AND IMPLEMENTATION OF A DISASTER RECOVERY PLAN (DRP) FOR THE TOLL COLLECTION SYSTEM (TCS) AT SENAI-DESARU EXPRESSWAY (E22)**

2. Kontraktor yang ingin menyertai tender ini hendaklah mempunyai pengkhususan bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) iaitu dalam Sistem Rangkaian dan Telekomunikasi.
3. Segala maklumat dan dokumen tender boleh diperoleh di **Unit Perolehan, Kompleks Pejabat Pentadbiran E22, 81800 Ulu Tiram** mulai **27hb Julai 2026** hingga **14hb Ogos 2026**. Masa pembelian dokumen tender adalah pada hari Isnin hingga Jumaat dari pukul 9:30 pagi hingga 12:00 tengah hari dan dari 2:30 petang hingga 4:00 petang.
4. Sila bawa dokumen yang berkaitan dan cop syarikat (*company stamp*) semasa pembelian tender. Pihak tuan/puan akan diminta mengemukakan sesalinan Sijil Pendaftaran SSM semasa membuat pembelian Dokumen Tender bagi semakan kelayakan menyertai Tender.
5. Hanya pemilik syarikat yang berdaftar atau wakil yang diberi kuasa secara rasmi dengan Surat Wakil Kuasa yang sah dibenarkan untuk membeli Dokumen Tender ini. Kegagalan tuan/puan mengemukakan dokumen yang diperlukan akan menyebabkan syarikat tidak layak untuk menyertai Tender ini.
6. Kontraktor yang ingin menyertai tender di atas adalah dikenakan bayaran sebanyak **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja)** sebagai bayaran senaskhah dokumen tender.
7. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Pihak Kontraktor diwajibkan untuk membuat lawatan tapak dengan menghubungi En. Muhammad Razeen Yagoothu (012-730 3203) bagi sesi lawatan tapak dari tarikh notis ini dikeluarkan dengan tarikh lawatan tapak akan dimaklumkan kemudian pada waktu yang bersesuaian. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berkaitan Tender ini sila hubungi Unit Perolehan untuk keterangan lanjut.
8. **SILA AMBIL PERHATIAN**, kontraktor yang melaksanakan kerja di sepanjang jajaran Lebuhraya E22 hendaklah memiliki kad Expressway Operation Safety Passport (EOSP) daripada NIOSH.
9. Tender ini akan ditutup pada **28hb Ogos 2026 (Jumaat)** di Kompleks Pejabat Pentadbiran, Lebuhraya Senai-Desaru, KM22, 81800, Ulu Tiram, Johor. Dokumen tender hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender tidak lewat dari **jam 12.00 tengah hari** pada hari tersebut.

MOHD SYAFIQ BIN MOHD ZAINI
PENGURUS, JURUUKUR BAHAN
UNIT PEROLEHAN, SDEB

